



# BERNAMA.COM

Get It Right

## Bekalan keperluan asas di Sabah mencukupi - Pengarah KPDNHEP

21/03/2020 05:09 PM

**KOTA KINABALU, 21 Mac** -- Bekalan keperluan asas di seluruh daerah di Sabah adalah mencukupi bagi memenuhi keperluan harian penduduk di negeri itu, kata Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Sabah Georgie Abas.

Beliau berkata setakat ini, pihaknya tidak menerima sebarang aduan mengenai peniaga yang bertindak menaikkan harga barang keperluan asas di negeri itu.

"Setiap hari pegawai kami akan memantau setiap premis perniagaan seperti pasar raya, kedai runcit dan kedai serbaneka untuk menyemak harga jualan serta memastikan barang keperluan mencukupi," katanya kepada Bernama.

Georgie juga berkata pegawai penguat kuasa agensi itu akan menyemak bekalan barang asas peringkat pemborong dan pengilang bagi memastikan ia diedarkan kepada peruncit serta penghantaran bekalan dilakukan setiap hari.

Beliau turut memberi amaran akan mengambil tindakan tegas terhadap mana-mana pihak yang cuba mengambil kesempatan menaikkan harga barang dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan yang berkuat kuasa hingga 31 Mac.

Katanya orang ramai boleh membuat aduan di sembilan bilik gerakan setiap cawangan KPDNHEP Sabah yang dibuka setiap hari bermula 8 pagi hingga 10 malam.

-- BERNAMA

<https://www.bernama.com/bm/news.php?id=1823450>